

Ringgit dijangka kekal lemah berbanding dolar AS minggu ini

PENGUKUHAN dolar dan ekonomi Amerika Syarikat terus memberi kesan kepada nilai ringgit.



Oleh **HENDRA WINARNO**
hendrawinarno@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tren kejatuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dijangka berterusan minggu ini, disebabkan oleh kestabilan ekonomi semasa ASi, kata penganalisis ekonomi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohamad Khair Afham Muhammad Senan berkata, beliau menjangkakan ringgit kekal lemah dan mengalami penurunan, namun tidak terlalu drastik.

Pada minggu lalu, ringgit ditutup pada RM4.78 berbanding dolar AS daripada RM4.76 se-

masa ditutup pada Khamis sebelumnya.

Beliau berkata, pada minggu lepas, AS telah mengeluarkan laporan mengenai tahap pengangguran yang berada bawah jangkaan penganalisis dan perkembangan itu akan mengukuhkan lagi sentimen terhadap ekonomi negara terbabit.

"AS juga menunjukkan kestabilan dari sudut pasaran saham di mana indeks S&P 500 melebihi tahap 5000 mata pada minggu lepas, iaitu rekod terbaharu mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Mohamad Khair berkata, perkara itu turut memberikan kesan kepada prestasi semasa ringgit.

Beliau berpandangan, trend

kejatuhan ringgit dijangka akan berterusan dalam jangka masa panjang sekiranya sentimen terhadap ekonomi Malaysia masih sama.

Mengenai prestasi ringgit yang makin lemah berbanding dolar Singapura, beliau berkata, mekanisme dasar kewangan Malaysia dan Singapura sangat berbeza.

"Kita menggunakan Kadar Dasar Semalaman (OPR) bagi mencapai matlamat ekonomi dan membiarkan kadar mata wang asing ditentukan oleh pasaran.

"Manakala, Singapura menggunakan kadar tukaran wang asing bagi mencapai matlamat ekonomi dan kadar faedah mereka ditentukan oleh pasaran, ini jelas berbeza" katanya.